



## TERMA DAN SYARAT #BSNSOKONGLOKAL#

1. **#BSNSOKONGLOKAL#** adalah sebuah platform yang dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional ("BSN") untuk menghubungkan pengguna dengan peniaga seterusnya membantu peniaga mempromosikan perniagaan mereka. Terma dan syarat untuk **#BSNSOKONGLOKAL#** adalah seperti berikut ("Terma dan Syarat):-
  2. **Kelayakan**
    - 2.1 Penyertaan adalah terbuka kepada PKS yang merupakan pelanggan sedia ada BSN Mikro/i ("**Peniaga**")
    - 2.2 Peniaga merupakan pelanggan Pembiayaan Mikro/i yang tidak mempunyai sebarang tunggakan pembayaran semasa.
    - 2.3 BSN berhak untuk memilih, meminda, mengubah, atau memperluaskan pemilihan Peniaga pada bila-bila masa, dengan memberikan notis awal dalam jangka masa yang dianggap wajar oleh BSN sebelum sebarang perubahan tersebut berkuatkuasa.
  3. **Definisi**
    - 3.1 "Peniaga" bermaksud PKS sebagai pihak ketiga yang menjual produk atau perkhidmatan sama ada dalam platform atas talian atau kedai fizikal, yang juga merupakan pelanggan sedia ada Mikro/i BSN
    - 3.2 "Produk" bermaksud sebarang barang, produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Peniaga.
    - 3.3 "Pengguna" bermaksud Peniaga yang layak untuk menyertai dan menggunakan platform **#BSNSOKONGLOKAL#**.
  4. **Mekanisma #BSNSOKONGLOKAL#**
    - 4.1 **#BSNSOKONGLOKAL#** akan bermula pada 1 Mac 2021 dan akan berterusan sehingga suatu tarikh akhir rasmi dimaklumkan oleh BSN. Sebarang komunikasi akan dihebahkan menerusi laman sesawang [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) ("laman sesawang BSN") atau melalui kaedah komunikasi lain yang munasabah.

---



- 4.2 Senarai Peniaga dan Produk terlibat yang terpilih akan dimuatkan di laman sesawang BSN.
  - 4.3 Sebarang pesanan Produk yang ditawarkan Peniaga boleh dilakukan oleh pembeli secara berhubung terus dengan Peniaga.
  - 4.4 BSN tidak bertanggungjawab dalam penghantaran produk mahupun sebarang rundingan untuk membuat pembelian Produk yang ditawarkan Peniaga.
  - 4.5 BSN tidak memiliki, menjual atau menjual semula Produk bagi pihak Peniaga dan tidak mempunyai kawalan ke atas Peniaga. Sebarang pesanan Produk yang dibuat adalah tertakluk kepada ketersediaan Produk dan kebolehlaksanaan lokasi penghantaran Peniaga.
  - 4.6 Untuk sebarang pertanyaan, maklum balas atau aduan (termasuk pesanan yang salah, hilang) berkaitan Peniaga dan Produk, pembeli boleh menghubungi Peniaga secara langsung. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Peniaga.
  - 4.7 BSN tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pertikaian berkaitan Produk yang dijual atau pembayaran yang dibuat. Jika berlaku pertikaian, ia hendaklah diselesaikan secara langsung antara pembeli dan Peniaga.
-



## **5. Terma & Syarat Umum**

- 5.1 Peranan BSN dalam **#BSNSOKONGLOKAL#** adalah hanya sebagai penghubung antara Peniaga dengan pembeli. BSN bukan ejen kepada Peniaga manakala Peniaga bukan ejen BSN.
  - 5.2 BSN juga pihak berkecuali dalam perjanjian atau transaksi antara Peniaga dan pembeli.
  - 5.3 BSN tidak memberikan jaminan atau pernyataan atau perwakilan, sama ada secara tersurat atau tersirat mengenai kebolehdagangan, kualiti atau kesesuaian Produk yang ditawarkan, seterusnya tidak akan bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan yang dialami oleh pembeli disebabkan oleh Produk.
  - 5.4 Sebarang pertikaian atau pertanyaan berkaitan Peniaga dan/atau Produk perlu dibuat secara terus kepada Peniaga.
  - 5.5 BSN, pada bila-bila masa, berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan senarai Peniaga dalam platform **#BSNSOKONGLOKAL#**, mahupun untuk meminda, memadamkan atau membatalkan Terma dan Syarat ini. Sebarang komunikasi akan dilakukan melalui laman web BSN atau melalui kaedah komunikasi lain seperti yang ditentukan oleh BSN.
  - 5.6 Sebarang tindakan penamatan, penangguhan, pembatalan atau pengurangan tempoh **#BSNSOKONGLOKAL#** seperti tertera tidak memberi hak kepada Peniaga Pengguna / pembeli atau mana-mana pihak untuk membuat tuntutan terhadap BSN atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung.
  - 5.7 BSN tidak akan bertanggungjawab atas ketidakmampuan dalam menunaikan obligasi dalam platform **#BSNSOKONGLOKAL#** yang disebabkan oleh peristiwa “force
-

majeure” yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam, perang, rusuhan, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, wabak atau sebarang kejadian di luar kawalan wajar BSN.

5.8 Dengan menyertai **#BSNSOKONGLOKAL#**, Peniaga / Pengguna / pembeli dianggap telah bersetuju dengan berikut:-

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat seperti tertera dan apa-apa terma dan syarat lain yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk sebarang pindaan kepada Terma dan Syarat tersebut;
- b) Untuk mengakses laman web BSN secara berkala untuk cakna terhadap sebarang kemas kini atau perubahan yang dibuat terhadap Terma dan Syarat;
- c) Untuk data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, jika ada, bersesuaian dengan Notis Privasi BSN, seperti tertera di laman sesawang BSN;
- d) Hak BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau maklumat Peniaga/Pengguna untuk tujuan pengiklanan dan promosi sedia ada atau akan datang mengikut cara yang dianggap wajar dan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan dilantik BSN yang sah; dan
- e) Segala perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menyertai **#BSNSOKONGLOKAL#** ini adalah tanggungjawab mereka sendiri.

5.9 BSN dalam apa jua keadaan, tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, kerugian secara langsung atau tidak langsung, sengaja atau tidak sengaja, hukuman atau kerosakan terhadap mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) sama ada timbul dalam kontrak, atas kecuaiian atau sebaliknya, yang dialami oleh Peniaga / Pengguna / pembeli yang disebabkan oleh penggunaan platform **#BSNSOKONGLOKAL#**.

5.10 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat dengan sebarang

---



## **TERMA DAN SYARAT #BSNSOKONGLOKAL#**

iklan, promosi, publisiti atau bahan-bahan lain yang berkaitan **#BSNSOKONGLOKAL#**, maka butiran Terma dan Syarat adalah terpakai. Apa-apa perkara berkaitan dengan **# BSNSOKONGLOKAL #** yang tidak dirangkumkan dalam Terma dan Syarat akan ditentukan sepenuhnya oleh BSN atas budi bicaranya.

5.11 Terma dan syarat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada Undang-Undang Malaysia dan bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

5.12 Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas dan/atau aduan mengenai platform **#BSNSOKONGLOKAL#**, sila hubungi BSN Care di talian 1-300-88-1900.

---